

Keterlaluan jika minta henti kritik

UM-14/8/2006

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD
dan AMIZUL TUNIZAR TARMIZI

PULAU PINANG 13 Ogos - Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir menyifatkan tindakan sesetengah pemimpin UMNO meminta bapanya yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhenti daripada terus mengkritik kerajaan sebagai keterlaluan.

Katanya, tindakan itu boleh mengeruhkan lagi keadaan kerana beliau masih berpegang kepada kenyataan bahawa bapanya berhak mendapat penjelasan.

Beliau berkata, walaupun kritikan tersebut dibuat secara rasional, ada pula pemimpin tertentu mempersoalkan kesetiaan bapanya itu kepada parti.

"Apa yang saya kesalkan ketika bapa saya berkuasa dulu, orang-orang inilah yang datang dan mencium tangan bapa saya, malah ada yang menghormatinya sebagai bapa sendiri tetapi kini cuba anda lihat segala jenis tohmahan dilemparkan kepada beliau," katanya.

Beliau berkata demikian pada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bukit Gelugor, di sini hari ini.

Menurutnya, sebagai bekas pemimpin dan ahli UMNO, bapanya berhak untuk menyuarakan rasa tidak puas hati jika dilihat ada sesuatu yang tidak kena.

"Mereka lebih beremosi memberikan kritikan, tanpa memikirkan apa asas kritikan (oleh Dr. Mahathir) tersebut secara rasional,"

katanya lagi.

Mukhriz berpendapat, bapanya membuat kritikan tersebut setelah beberapa isu atau persoalan yang pernah dibangkitkan sebelum ini tidak mendapat jawapan.

"Sebelum ini, beliau hanya beri nasihat, kemudian teguran dan bila persoalan dibangkitkan tidak berjawab, maka timbulkan kritikan.

"Seelok-eloknya isu (yang dibangkitkan) dapat dijawab. Selagi persoalan dibangkitkan tidak terjawab, selagi itu beliau akan timbulkan," katanya.

Mukhriz bagaimanapun berkata, bapanya yang telah lama berkecimpung dalam arena politik dapat menghargai segala kritikan balas diberikan oleh ramai pimpinan politik dan kerajaan.

Ditanya pendirian peribadi beliau dengan pendirian Pemuda UMNO yang menyifatkan kritikan Dr. Mahathir terhadap kerajaan sebagai keterlaluan, Mukhriz berkata, pendirian tersebut lebih menjurus kepada kritikan menyentuh peribadi.

Dalam konteks ini, katanya, beliau sependapat dengan Pemuda UMNO bahawa kritikan yang menyentuh peribadi adalah tidak adil.

Begitupun katanya, beliau dan Pemuda UMNO sendiri mengakui tidak dapat menghalang bapanya daripada terus menyuarakan



MUKHRIZ MAHATHIR

pandangan pada masa hadapan.

"Justeru saya berharap satu jalan penyelesaian dapat dicari bagi menyelesaikan polemik yang timbul," katanya.

Sementara itu, di Ipoh, Mukhriz berkata, beliau tidak percaya dengan dakwaan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin bahawa bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali dan bekas Setiausaha Politik Dr. Mahathir, Matthias Chang berperanan menghasut bapanya mengkritik kepimpinan Abdullah.

"Tiada orang yang boleh menghasut bapa saya dari dulu lagi kerana dia

seorang yang bertanggungjawab atas soalan dan tindakannya. Dia cakap apa yang dia benar-benar percaya sahaja," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Gopeng, hari ini.

Menurut Mukhriz, kedua-dua orang yang dimaksudkan itu tidak pakar untuk mengemukakan soalan-soalan sedemikian.

"Sekalipun ada pihak ketiga membawa soalan-soalan itu kepada ayah saya, beliau tidak akan menyoal sekiranya tidak percaya," katanya.